

23/03/1999

Namibia sambut ulang tahun ke-9

KUALA LUMPUR, Isnin - Ulang tahun Republik Namibia kesembilan, semalam, turut disambut oleh rakyat negara itu di sini.

Hari ini, Pesuruhjaya Tinggi negara itu, Ndeutapo Amagulu mengadakan majlis sambutan yang turut dihadiri wakil kerajaan Malaysia, Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie.

Majlis dimulakan dengan Leo Moggie menyampaikan ucapan selamat dan tahniah untuk ketua negara Republik Namibia, Presiden Dr Sam Nujoma. Lagu kebangsaan negara itu kemudian dimainkan sebagai tanda hormat.

Amagulu kemudian menyampaikan ucap selamat kepada Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Ja'afar dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Turut hadir isteri Amagulu, Margaret.

Republik Namibia yang mencapai kemerdekaan daripada Afrika Selatan pada 21 Mac, 1990, menubuhkan Suruhanjaya Tinggi di Malaysia pada 1995 bagi mengeratkan hubungan di antara kedua-dua negara.

Negara Afrika itu mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dengan Pertubuhan Rakyat Afrika Barat Daya (Swapo) yang memperjuangkan kemerdekaan negara itumenerajui kerajaan sekarang.

Ekonominya kukuh dengan kekayaan hasil sumber galian termasuk berlian dan logam serta kegiatan perikanan walaupun bidang pertanian tidak begitu terserlah akibat kekurangan kawasan penanaman.

(END)